



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepe.com



**KESAHAN MODUL PEMBANGUNAN KARAKTER
BERDASARKAN COGNITIVE BEHAVIORAL THERAPY-
HEALING**

*VALIDITY OF THE CHARACTER DEVELOPMENT MODULE BASED ON
COGNITIVE BEHAVIORAL THERAPY-HEALING*

Rosli Suyot^{1*}, Muhammad Aziz Shah Mohamed Arip²

- ¹ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: rosli.suyot@moe.gov.my
² Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: aziz.shah@fpm.upsi.edu.my
* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 19.06.2025
Revised date: 15.07.2025
Accepted date: 25.08.2025
Published date: 19.09.2025

To cite this document:

Rosli, S., & Arip, M. A. S. M. (2025).
Kesahan Modul Pembangunan
Karakter Berdasarkan Cognitive
Behavioral Therapy-Healing.
*International Journal of Education,
Psychology and Counseling*, 10 (59),
933-947.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059067

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Artikel ini membincangkan kesahan Modul Pembangunan Karakter Berdasarkan Cognitive Behavioral Therapy – Healing (MPKCBT-H). MPKCBT-H ini dibina untuk membantu pengamal kaunseling di sekolah menengah khususnya guru bimbingan dan kaunseling (GBK) menjalankan aktiviti kelompok bagi membangunkan karakter murid sekolah menengah secara holistik. Model Kekuatan Karakter (Character Strength Model) oleh Paterson dan Seligmen 2004 digunakan sebagai kerangka pembangunan karakter murid secara holistik. Teori Terapi Tingkah Laku Kognitif-Penyembuhan (Cognitive Behavioral Therapy – Healing, CBT-H) oleh Widing & Milne, 2008 dan Mohd Aziz Shah, 2017, digunakan sebagai pendekatan kaunseling bagi membangunkan aspek karakter murid sekolah menengah. Bagi mengukur kesahan kandungan, perakuan kesahan oleh lapan orang pakar telah digunakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa MPKCBT-H mempunyai nilai indeks kesahan kandungan yang tinggi iaitu 91.5 peratus. Kesimpulannya, MPKCBT-H merupakan satu sumbangan baharu yang bermakna kepada bidang kaunseling di Malaysia serta sesuai digunakan dalam konteks tempatan. Modul ini boleh digunakan oleh guru bimbingan dan kaunseling mahupun fasilitator sebagai salah satu alternatif intervensi pembangunan karakter terhadap pelajar sekolah menengah.

Kata kunci:

Kesahan, Modul, Karakter, Murid Sekolah Menengah

Abstract:

This article discusses the validity of the Character Development Module Based on Cognitive Behavioral Therapy – Healing (MPKCBT-H). MPKCBT-H was developed to assist counseling practitioners in secondary schools, particularly guidance and counseling teachers (GBTs), in conducting group activities to foster holistic character development among secondary school students. The Character Strength Model by Paterson and Seligman (2004) serves as the framework for holistic student character development. The Cognitive Behavioral Therapy – Healing theory (CBT-H) by Widing & Milne (2008) and Mohd Aziz Shah (2017) is employed as the counseling approach to develop aspects of secondary school students' character. To ensure content validity, certification by eight experts was utilized. Study findings indicate that MPKCBT-H has a high content validity index of 91.5%. In conclusion, MPKCBT-H represents a significant new contribution to the counseling field in Malaysia and is suitable for local contexts. This module can be utilized by guidance and counseling teachers or facilitators as an alternative character development intervention for secondary school students.

Keywords:

Validity, Module, Character, Secondary School Students

Pendahuluan

Pembangunan karakter murid perlu menjadi tumpuan utama dalam agenda pendidikan negara. Kajian-kajian lepas (Efendi & Keysar, 2017; Sharifah & Siti, 2017; Hana & Rina, 2021; Muhammad & Dinie, 2021) mendapati bahawa pembentukan karakter murid merupakan suatu keperluan penting. Pendidikan karakter yang menekankan dimensi etika dan keagamaan sangat relevan untuk dilaksanakan (Akmal & Aceng, 2023). Akmal (2023) memetik Jeynes (2019) yang menyatakan bahawa pendidikan karakter bukan hanya menjadi tanggungjawab sekolah, tetapi merupakan tanggungjawab bersama termasuk ibu bapa, masyarakat, agensi kerajaan, organisasi bukan kerajaan, parti politik dan pelbagai kumpulan dalam masyarakat.

Usaha membangunkan karakter murid perlu dilaksanakan melalui pelbagai pendekatan dan kaedah. Yusuf Qardhawi dalam Grine (2013) dan Sambo (2020) menyatakan beberapa kaedah pendidikan karakter seperti *thariqul ibadah* (kaedah ibadah), *thariqul adab* (kaedah adab), *thariqut tarbiyah wa al-ta'win* (kaedah pendidikan dan pembentukan), *thariqul ilmi wa al-taujih* (kaedah penyampaian ilmu, arah dan peradaban ummah) dan *thariq al-tasyri'* (kaedah perundangan). Kaedah ini menyumbang kepada usaha berterusan dalam pembangunan nilai kepercayaan dan kerohanian dalam masyarakat pelbagai latar. Pendidikan karakter juga perlu dimulakan seawal usia kanak-kanak hingga dewasa (Akmal & Aceng, 2023).

Pembentukan karakter dalam kalangan remaja sangat dipengaruhi oleh rakan sebaya. Kajian (Normadiyana, 2022) mendapati bahawa rakan sebaya memberi pengaruh yang besar terhadap aspek moral dan sosial remaja. Klausmeier et al. (1975) dalam Normadiyana (2022) menunjukkan bahawa dalam aspek seperti tanggungjawab moral, kejujuran, keberanian dan kemesraan, pengaruh rakan sebaya melebihi pengaruh ibu bapa. Pergaulan harian membentuk pemikiran, perasaan dan tingkah laku remaja. Jihan (2022) dalam Yulia (2023) menegaskan

bahawa pendidikan karakter dapat membantu murid membentuk kemahiran mengurus emosi, berkomunikasi dengan berkesan dan menyelesaikan konflik secara konstruktif, sekali gus membantu dalam penyesuaian diri dan hubungan sosial. Hal ini membantu murid untuk mengembangkan kemampuan dalam beradaptasi, menyelesaikan masalah, dan menjaga hubungan yang harmonis dengan orang lain.

Kajian mengenai pembangunan karakter telah banyak dijalankan di peringkat antarabangsa, antaranya oleh William et al. (2017), Whitney, Miller dan Anmary (2018), Samuel et al. (2021), Yolanda (2021), Akmal Rijal (2023), Firdaus et al. (2023), Justin et al. (2023), dan Nining Andrian (2023). Di peringkat tempatan pula, kajian telah dijalankan oleh Fatma (2018), Abdul Rahman dan Syukri (2021), Aisyah, Intan dan Ridhwan (2022), Nor Firdaus et al. (2022), Normadiyana (2022), serta Ruhul, Norazlina dan Norazilah (2023).

Masalah karakter dan salah laku murid seperti ponteng sekolah, tidak menyiapkan kerja sekolah, merokok dan mencuri sering berlaku. Statistik Sistem eProfil Kerjaya Murid (ePKM) mencatatkan seramai 115,939 orang atau 35.16% lepasan SPM pada tahun 2020 tidak berminat untuk menyambung pelajaran. Rosnidar (2016) mendapati guru-guru di pelbagai jenis sekolah melaporkan masalah disiplin seperti buli, bergaduh, ponteng, mencuri, merokok, merayau-rayau, membuang sampah dan air kecil merata-rata, lambat hadir ke sekolah, peras ugut, membawa barang terlarang, pengaruh negatif rakan sebaya, vandalisme dan menonton video lucah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengenal pasti lima kategori salah laku berat iaitu berunsur jenayah, berunsur kelucahan, tingkah laku musnah, ponteng sekolah, dan buli serta penglibatan dalam gejala dadah. Berdasarkan Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2022, jumlah Sekolah Bermasalah Disiplin Tinggi (SBDT) pada tahun 2017 (665 buah), tahun 2018 (630 buah) dan tahun 2019 (261 buah). Penurunan bilangan SBDT pada tahun 2020 (233 buah) hingga 2021 (233 buah), kemungkinan disumbangkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Jadual 1 : Bilangan Sekolah Bermasalah Disiplin Tinggi (SBDT) 2017-2021

TAHUN	BILANGAN SBDT
2017	665
2018	630
2019	261
2020	233 (PKP)
2021	233 (PKP)

Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), KPM, 2022

Pihak KPM telah mengambil langkah yang wajar bagi menangani isu murid yang menjurus kepada matlamat penurunan kadar masalah disiplin dan pembangunan karakter murid. Walaupun usaha tersebut telah menampakkan hasil menerusi data yang diperoleh namun program-program yang dijalankan berkaitan bimbingan dan kaunseling masih diperingkat rintis dan tidak melibatkan keseluruhan murid sekolah dan GBK di Malaysia. Aspek karakter yang dibangunkan melalui program bimbingan dan kaunseling juga terhad kepada kesedaran sendiri, regulasi emosi, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial di mana nilai ini tidak menyeluruh seperti yang dianjurkan di dalam model pembangunan karakter yang holistik dan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Model PRISMA yang dibina berdasarkan aspek kemahiran pengurusan sosioemosi walaubagaimanapun tidak mengaplikasikan teori kaunseling yang khusus.

Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada kesahan kandungan **Modul Pembangunan Karakter Berasaskan Cognitive Behavioral Therapy – Healing (MPKCBT-H)** yang direka bentuk untuk membangunkan karakter murid sekolah menengah. Modul berstruktur ini berdasarkan model *Character Strength* oleh Peterson dan Seligman (2004), yang membahagikan karakter kepada enam nilai utama dan 24 kekuatan karakter, iaitu:

1. Kebijaksanaan (kreativiti, ingin tahu, minat belajar, pengadilan, perspektif);
2. Keteguhan hati (keberanian, kejujuran, ketabahan, keghairahan);
3. Keadilan (kerjasama, keadilan, kepimpinan);
4. Perikemanusiaan (kebaikan, kasih sayang, kecerdasan sosial);
5. Kesederhanaan (kemaafan, rendah hati, cermat, pengaturan diri); dan
6. Keunggulan (menghargai kecantikan dan kecemerlangan, rasa syukur, harapan, kelucuan, kerohanian)

MPKCBT-H ini dilaksanakan melalui lapan sesi pertemuan yang merangkumi 16 aktiviti. Teknik Cognitive Behavioral Therapy – Healing yang digunakan, termasuklah psikopendidikan, penstrukturan semula kognitif, pembinaan skrip baharu, diari harian, skala sendiri, afirmasi positif, visualisasi, eksperimen pemikiran dan rekod jurnal. Keberkesanan modul ini diukur menggunakan Inventori Kekuatan Karakter (IKK) atau VIA Inventory of Strength (VIA-IS) edisi remaja yang dibangunkan oleh Peterson, Park, Hall dan Seligman (2022), dan telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh VIA Institute on Character.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menentukan kesahan muka dan kesahan kandungan Modul Pembangunan Karakter Berasaskan Cognitive Behavioral Therapy-Healing (MPKCBT-H).

Kajian Literatur

Karakter dapat didefinisikan sebagai sifat-sifat yang direfleksikan dalam pemikiran, perasaan dan tingkah laku (Park dalam Nalini 2021). Petersen dan Seligman (2004) dalam Nalini (2021) menyatakan kekuatan karakter (*Character strength*) dirumuskan dengan tujuan untuk membentuk hidup yang baik (the good life) pada diri seseorang mahupun orang lain. Menurut Park dan Peterson (2009), kekuatan karakter adalah aspek-aspek personaliti yang penting secara moral, dan merupakan asas untuk pembangunan diri sepanjang hayat yang optimum. Berdasarkan definisi ini dapat dinyatakan bahawa karakter adalah bagaimana individu mempamerkan pemikiran, perasaan dan tingkah laku secara positif bagi membentuk kehidupan yang baik. Manakala sebaliknya, individu yang mempamerkan karakter secara negatif akan membentuk kehidupan yang tidak baik.

Pendekatan CBT-H merupakan aplikasi teori dan teknik CBT untuk membantu individu berhadapan dengan isu kesihatan psikologi. Aplikasi CBT-H yang diaplikasikan membantu individu mencapai kesejahteraan dan ketenangan psikologi (healing). CBT-H menyatakan pemikiran ialah gabungan akal dan fikiran yang tidak boleh dipisahkan, pemikiran ialah sel-sel

otak yang memberi kelebihan untuk manusia membayangkan (visual), mendengar (audio) dan merasa (kinestetik) yang menghasilkan manusia makhluk yang kreatif, maha karya dan berimajinasi, pemikiran boleh menjadi baik jika selaras dengan akal dan boleh menjadi jahat jika tidak dikawal pemikiran boleh menjadi jahat, punca permasalahan dan membinasakan jika tidak dikawal oleh akal dalam diri. Pemikiran merupakan punca semua masalah. Corak pemikiran akan mempengaruhi perasaan, perasaan yang terbentuk akan mempengaruhi pemikiran semula. Interaksi pemikiran dan perasaan (jiwa) menghasilkan tindak balas tingkah laku. (Mohammad Aziz Shah 2023). Perasaan ialah rasa (bersumberkan hati bertempat di dada). Perasaan boleh menjadi baik atau buruk. Perasaan yang dibentuk oleh pemikiran dan perasaan kembali mempengaruhi corak pemikiran secara interaksi automatik dan berulang-ulang (jiwa). Pemikiran mesti diperbetulkan untuk memperbetulkan perasaan (Mohammad Aziz Shah 2023). Tingkah Laku pula sebagai produk daripada interaksi pemikiran dan perasaan (jiwa). Terdapat dua jenis tingkah laku iaitu sensasi/ fisiologi dan tindakan. Contoh tingkah laku adalah; senyum, menolong orang lain, menggigil, membaling kerusi, menangis, sesak nafas, dan lain-lain. Tingkah laku boleh menjadi baik atau buruk. Pemikiran mesti diperbetulkan untuk memperbetulkan tingkah laku (Mohammad Aziz Shah 2023). Oleh yang demikian pendekatan CBT-H sangat bertepatan untuk membantu membangunkan karakter individu dengan menstrukturkan semula pemikiran yang akhirnya membentuk perasaan dan tingkah laku yang lebih baik dan positif. Pemikiran yang baik akan dapat menukar karakter yang tidak baik kepada lebih baik.

Sidek Mohd Noah (2001), memperkenalkan sebuah model integrasi yang lebih holistik dalam pembangunan modul. Model ini mengandungi dua peringkat yang berbeza dalam matlamatnya. Peringkat pertama ialah penyediaan draf modul, yang melibatkan sembilan langkah dimulai dari pembinaan matlamat hingga penyatuan draf modul. Modul ini disebut sebagai "draf" kerana pada peringkat ini, modul tersebut belum disahkan kesahihannya dan kebolehpercayaannya (Sidek & Jamaluddin 2005). Draft modul kemudiannya akan melalui peringkat kedua, iaitu ujian dan penilaian modul. Dalam pembangunan sesuatu modul, proses pengesahan perlu dilaksanakan bagi memastikan ketepatan ukuran yang digunakan dalam menilai keberkesannya. Kesahan modul merujuk kepada tahap ketepatan sesuatu ukuran atau indikator dalam mencerminkan semua elemen dan konstruk yang terkandung dalam konsep yang hendak diukur (Sabitha, 2006). Oleh itu, aspek kesahan kandungan memberi fokus kepada kesesuaian konsep dan kandungan modul yang dibangun.

Menurut Russell (1974), kesahan modul dalam konteks penilaian boleh ditentukan oleh beberapa kriteria utama: (a) kesesuaian kepada populasi pelajar; (b) kesesuaian kepada objektif pengajaran dan pembelajaran; (c) kesesuaian kepada masa yang diperuntukkan untuk pelaksanaan; (d) pencapaian pelajar yang meningkat dalam bidang yang ditetapkan; dan (e) kemampuan modul dalam mempengaruhi perubahan sikap pelajar ke arah yang lebih positif. Oleh itu, modul yang sah perlu memenuhi kelima-lima ciri ini bagi menjamin keberkesanan intervensinya. Tambahan pula, kesahan dalam konteks instrumen pengukuran merujuk kepada sejauh mana alat tersebut benar-benar mengukur perkara yang sepatutnya diukur (Paul & Jeanne, 2005; Anastasi, 1982). Kesahan digunakan sebagai indikator utama dalam memastikan ketepatan konstruk sesuatu ukuran dan sama ada indikator yang digunakan mencerminkan semua ciri atau konsep yang hendak diukur (Sabitha, 2006). Sidek dan Jamaludin (2005) menyatakan bahawa instrumen pengukuran dan modul dapat disamakan dalam fungsinya kerana keduanya berfungsi sebagai alat dan rujukan bagi penyelidik untuk mendapatkan data dan informasi yang relevan. Kesahan modul menunjukkan sejauh mana tujuan yang ditetapkan

dapat dicapai melalui implementasinya. Oleh karena itu, untuk memastikan bahawa elemen yang ingin diukur dapat dicapai secara efektif, penyelidik harus merangka tujuan dan objektif modul yang jelas.


Metodologi Kajian

Dalam penyelidikan ini, aspek kesahan muka dan kandungan telah diberi penekanan. Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif yang dianggap sesuai bagi menjelaskan situasi semasa sesuatu fenomena, memperoleh penerangan yang menyeluruh serta meneroka bidang yang masih belum diterokai secara mendalam, dalam usaha untuk memperoleh maklumat yang tepat dan sahih (Mohd Majid, 2009). Bagi menjamin kesahan kandungan Modul Pembangunan Karakter Berdasarkan Cognitive Behavioral Therapy (MBPCBT-H), pengkaji telah memperoleh pengesahan daripada pakar bidang melalui pendekatan perakuan pakar (Creswell, 2005; Christensen, 2004; Sekaran, 2000; Mohd Majid, 2009).

Dalam kajian ini, dua jenis kesahan telah digunakan, iaitu kesahan muka dan kesahan kandungan yang melibatkan pengkritik luar (external criticism). Kesahan muka dijalankan untuk menilai aspek kejelasan bahasa dan kefahaman terhadap modul, manakala kesahan kandungan pula melibatkan penilaian oleh pakar dalam menilai kesesuaian kandungan serta aplikasi keseluruhan modul dalam konteks pelaksanaan kelompok. Seramai lapan orang panel pakar telah dirujuk bagi menilai kesahan kandungan MPKCBT-H.

Proses kesahan ini (rajah 1) mencakup penyediaan salinan lengkap modul, yang terdiri dari bahagian pengenalan, objektif umum modul, asas teori, dan keseluruhan kandungan, serta lampiran-lampiran yang relevan untuk diteliti, dinilai, dan diserahkan kepada pakar. Selain itu, satu set instrumen penilaian kesahan kandungan dibuat berdasarkan garis panduan yang diberikan oleh Russell (1973) (rajah 2) dan Muhammad Aziz Shah (2010) (rajah 3). Semua instrumen ini dibuat dan disediakan untuk pakar membuat penilaian kesahan modul ini.

Dalam konteks kajian ini borang kesahan kandungan disediakan secara tersusun dengan menyatakan arahan kepada pakar dan pernyataan kandungan modul. Skala persetujuan bermula dari 0 (sangat tidak setuju) kepada 10 (sangat setuju). Kesemua modul dan instrumen ini diserahkan kepada lapan orang pakar bidang untuk dinilai secara bebas (jadual 2). Setelah selesai menyemak sub skala dan item, pakar diminta memberikan skor bagi setiap item secara bebas berdasarkan skala yang relevan. Pakar dikehendaki mengemukakan respons mereka kepada penyelidik setelah memberikan skor kepada semua item.



Rajah 1: Proses Mengukur Nilai Kesahan MPKCBT-H

LAMPIRAN D:
SOAL SELIDIK KESAHAN KANDUNGAN KESESUAIAN SESI DAN AKTIVITI
MODUL PEMBANGUNAN KARAKTER CBT-H
MURID SEKOLAH MENENGAH
(BERDASARKAN RUSSEL (1973))

YBhg Prof/Dato/Datin/ Dr. /Tuan dan Puan

Berdasarkan penerangan ringkas yang diberikan, sesi dan aktiviti modul yang dibina khusus berdasarkan Model Kekuatan Karakter (Character Strenght Model) oleh Paterson dan Seligman 2004. Aktiviti dibangunkan berdasarkan enam nilai murni (virtue) dan dua puluh empat kekuatan karakter (character strenght) dan di laksanakan melalui sesi dan aktiviti iaitu Sesi 1: Suai Kenal dan memahami pembinaan karakter berdasarkan CBT-H, sesi 2: Meningkatkan Karakter Kebijaksanaan dan Pengetahuan, Sesi 3: Meningkatkan Karakter Kekuatan Hati, Sesi 4: Meningkatkan Karakter Perikamanusiaan, Sesi 5: Meningkatkan Karakter Keadilan, Sesi 6: Meningkatkan Karakter Kesederhanaan, Sesi 7: Meningkatkan Karakter Keunggulan dan Sesi 8: Penutup (rumusan dan penilaian). Saya memohon jasa baik pihak YBhg Prof/Dato/Datin/ Dr. /Tuan dan Puan untuk **menilai kesahan kandungan modul ini dari segi ketepatan sesi dan aktiviti yang dijalankan**.

Arahan:
Sila teliti modul tersebut, sila bulatkan pada nombor yang mewakili jawapan anda berdasarkan darjah persetujuan berikut, iaitu :

0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Sangat Tidak Setuju											Sangat Setuju

BIL	PERNYATAAN		SKALA									
1	Kandungan Modul Pembangunan Karakter CBT-H menepati sasaran populasi.	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
2	Kandungan Modul Pembangunan Karakter CBT-H boleh dilaksanakan dengan sempurna.	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

Rajah 2 : Arahan kepada Pakar, Pernyataan Kandungan Modul dan Skala Penilaian Berdasarkan Russel (1973)

**SOAL SELIDIK KESAHAN KANDUNGAN KESESUAIAN SESI DAN AKTIVITI
MODUL PEMBANGUNAN KATAKTER CBT-H
MURID SEKOLAH MENENGAH
(BERDASARKAN MOHAMMAD AZIZ SHAH (2010))**

YBhg Prof/Dato'/Datin/ Dr. /Tuan dan Puan

Berdasarkan penerangan ringkas yang diberikan, sesi dan aktiviti modul yang dibina khusus berdasarkan Model Kekuatan Karakter (Character Strenght Model) oleh Paterson dan Seligman 2004. Aktiviti dibangunkan berdasarkan enam nilai murni (virtue) dan dua puluh empat kekuatan karakter (character strenght) dan dilaksanakan melalui sesi dan aktiviti iaitu Sesi 1: Suai Kenal dan memahami pembinaan karakter berdasarkan CBT-H, sesi 2: Meningkatkan Karakter Kebijaksanaan dan Pengetahuan, Sesi 3: Meningkatkan Karakter Kekuatan Hati, Sesi 4: Meningkatkan Karakter Perikamanusiaan, Sesi 5: Meningkatkan Karakter Keadilan, Sesi 6: Meningkatkan Karakter Kesederhanaan, Sesi 7: Meningkatkan Karakter Keunggulan dan Sesi 8: Penutup (rumusan dan penilaian). Saya memohon jasa baik pihak YBhg Prof/Dato'/Datin/ Dr. /Tuan dan Puan untuk menilai kesahan kandungan modul ini dari segi ketepatan sesi dan aktiviti yang dijalankan.

Arahan:
Sila teliti modul tersebut, sila bulatkan pada nombor yang mewakili jawapan anda berdasarkan darjah persetujuan berikut, iaitu :

0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Sangat Tidak Setuju					Sangat Setuju					

SESI 1 : Suai kenal dan memahami pembinaan karakter berdasarkan CBT

SESI	AKTIVITI/ PENGISIAN	SKALA (BULATKAN DARJAH PERSETUJUAN)										
SESI 1: Suai kenal dan memahami pembinaan karakter berdasarkan CBT	Aktiviti 1: Sesi suai kenal	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Ulasan panel (jika perlu) :												

Rajah 3 : Arahan kepada Pakar, Sesi, Aktiviti dan Skala Penilaian Berdasarkan Muhammad Aziz Shah (2010)

Jadual 2: Senarai Pakar Penilai Kesahan MPKCBT-H

Bil./ Jawatan	Institusi	Tempoh Perkhidmatan	Kepakaran/ kelulusan
1.Pensyarah Akademik Dr.	Program Kaunseling Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Terengganu	17 tahun	Doktor Falsafah (PhD) Bimbingan dan Kaunseling Universiti Kebangsaan Malaysia
2.Pensyarah Akademik Dr.	Jabatan Bimbingan dan Kaunseling Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman	25 tahun	Doktor Falsafah (PhD) Kaunseling Universiti Sains Malaysia
3.Pensyarah Akademik Dr.	Jabatan Bimbingan Kaunseling Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman	30 tahun	Doktor Falsafah (PhD) Kaunseling Universiti Sains Malaysia

4. Pensyarah Akademik Dr.	Jabatan Kaunseling Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan	23 tahun	Doktor Falsafah (PhD) Kaunseling Universiti Putra Malaysia
5. Penolong Setiausaha Kanan Dr.	Bahagian Psikologi dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia	17 tahun	Doktor Falsafah (PhD) Bimbingan dan Kaunseling Universiti Putra Malaysia
6. Penolong Setiausaha Kanan Dr.	Bahagian Psikologi dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia	16 tahun	Doktor Falsafah (PhD) (Bimbingan dan Kaunseling) Universiti Kebangsaan Malaysia
7. Guru Cemerlang Kaunseling Dr.	Sekolah Menengah Kebangsaan (Felda) Purun, Triang, Pahang	27 tahun	Doktor Falsafah (PhD) Bimbingan dan Kaunseling Universiti Putra Malaysia
8. Guru Bimbingan dan Kaunseling	Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Empat, Bandar Baru Bangi, Selangor	23 tahun	Sarjana Kaunseling (Kesihatan Mental Klinikal) Universiti Pendidikan Sultan Idris

Pengkaji telah memberikan kepada pakar borang penilaian untuk digunakan. Skala penilaian terdiri dari sepuluh pilihan, dimulai dengan 0 (sangat tidak setuju) hingga 10 (sangat setuju). Untuk mengetahui kesahan kandungan modul, jumlah skor pakar (x) dibagi dengan jumlah skor sebenarnya (y) dan kemudian didarabkan dengan seratus. Sebuah modul dianggap memiliki kesahan kandungan yang tinggi dan dianggap telah menguasai atau mencapai tingkat pencapaian yang tinggi jika nilai jumlah skornya melebihi 70% (Sidek & Jamaludin, 2005). Formula berkenaan adalah seperti berikut:

Jumlah Skor Pakar (x)

----- x 100% = Tahap Penguasaan Kesahan Kandungan

Jumlah Skor Sebenar (y)

Dapatan Nilai Kesahan Kandungan MPKCBT-H

Jadual 3 menunjukkan kandungan modul ini menepati sasaran populasinya dan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna di mana nilai peratusan tertinggi iaitu 92.50 peratus. Manakala kandungan modul ini pula boleh meningkatkan karakter pemikiran menjadi lebih berkesan merupakan peratusan kedua tertinggi iaitu 91.25 peratus. Kandungan modul ini boleh mengubah karakter tingkah laku menjadi lebih cemerlang adalah 91.00 peratus. Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan merupakan peratus terendah sekali iaitu 90.00 peratus. Jumlah peratusan kesahan skor adalah 91.25%. Secara keseluruhannya pandangan daripada panel pakar menunjukkan kandungan Modul Pembangunan Karakter Berdasarkan Cognitive Behavioral Therapy-Healing adalah diterima.

Jadual 3: Nilai Kesahan MPKCBT-H Berdasarkan Russel (1973)

Bil	Pernyataan	Peratus (%)	Pandangan Pakar
1	Kandungan Modul Pembangunan Karakter CBT-H menepati sasaran populasi.	92.50	Diterima
2	Kandungan Modul Pembangunan Karakter CBT-H boleh dilaksanakan dengan sempurna.	92.50	Diterima
3	Kandungan Modul Pembangunan Karakter CBT-H bersesuaian dengan masa yang diperuntukan.	90.00	Diterima
4	Kandungan Modul Pembangunan Karakter CBT-H boleh meningkatkan karakter pemikiran menjadi lebih berkesan	91.25	Diterima
5	Kandungan Modul Pembangunan Karakter CBT-H boleh mengubah karakter tingkah laku menjadi lebih cemerlang.	91.00	Diterima

Jadual 3 menunjukkan nilai skor item melebihi 70% skor. Sekiranya nilai skor melebihi 70% ia menggambarkan modul tersebut mempunyai nilai kesahan kandungan yang tinggi dan mencapai tahap pencapaian yang tinggi.

Jadual 4: Nilai Kesahan Sesi dan Aktiviti MPKCBT-H Berdasarkan Muhammad Aziz Shah (2010)

Bil	Sesi/ Tajuk	Aktiviti	%	Pandangan Pakar
1	Sesi 1: Suai kenal dan memahami pembinaan karakter berdasarkan CBT	Aktiviti 1: <i>Sesi suai kenal</i> Aktiviti 2: <i>Memahami pembinaan karakter berdasarkan CBT</i>	91.25 87.50	Diterima Diterima
2	Sesi 2: Meningkatkan Karakter Kebijaksanaan Dan Pengetahuan (wisdom)	Aktiviti 1: <i>Menyedari dan memahami kebijaksanaan dan pengetahuan</i> Aktiviti 2: <i>Strategi mengupayakan kebijaksanaan dan pengetahuan</i>	87.50 88.75	Diterima Diterima
3	Sesi 3: Meningkatkan Karakter Keteguhan Hati (Courage)	Aktiviti 1: <i>Menyedari dan memahami Keteguhan Hati</i> Aktiviti 2: <i>Strategi mengupaya Keteguhan Hati</i>	87.50 91.25	Diterima Diterima

Bil	Sesi/ Tajuk	Aktiviti	%	Pandangan Pakar
4	Sesi 4: Meningkatkan Karakter Perikemanusiaan (Humanity)	Aktiviti 1: <i>Menyedari dan memahami Perikemanusiaan</i> Aktiviti 2: <i>Strategi mengupaya Perikemanusiaan</i>	88.75 90.00	Diterima Diterima
5	Sesi 5: Meningkatkan Karakter Keadilan (Justice)	Aktiviti 1: <i>Memahami dan menghayati Keadilan</i> Aktiviti 2: <i>Strategi mengupaya Keadilan</i>	91.25 91.25	Diterima Diterima
6	Sesi 6: Meningkatkan Karakter Kesederhanaan (Temperence)	Aktiviti 1: <i>Menyedari dan memahami kesederhanaan</i> Aktiviti 2: <i>Strategi mengupaya kesederhanaan</i>	88.75 90.00	Diterima Diterima
7	Sesi 7: Meningkatkan Karakter Keunggulan (Transcendence)	Aktiviti 1: <i>Menyedari dan memahami keunggulan</i> Aktiviti 2: <i>Strategi mengupaya keunggulan</i>	91.25 90.00	Diterima Diterima
8	Sesi 8: Penutup	Aktiviti 1: <i>Rumusan</i> Aktiviti 2: <i>Penilaian</i>	93.75 92.50	Diterima Diterima
Min Keseluruhan			90.08	Diterima

Hasil penilaian oleh kumpulan pakar mengenai kesesuaian sesi dan aktiviti Modul Pembangunan Karakter Berdasarkan Cognitive Behavioral Therapy – Healing (MPKCBT-H) dikumpulkan. Jadual 4 menunjukkan skor rata-rata pakar untuk kesesuaian sesi dan aktiviti adalah 90.08%; skor minimum adalah 87.75 % untuk aktiviti Memahami Pembinaan Karakter Berdasarkan CBT, dan skor maksimum adalah 93.75% untuk aktiviti Menyedari dan Memahami Kebijaksanaan dan Pengetahuan. Ini menunjukkan bahawa panel pakar profesional menilai Modul Pembangunan Karakter Berdasarkan Cognitive Behavioral Therapy—Healing (MPKCBT-H) dengan sangat baik dan benar. Jadual 5 berikut menunjukkan hasil penilaian pakar professional yang dilakukan untuk menentukan kesahan kandungan MPKCBT-H, yang didasarkan pada soal selidik kesahan kandungan yang dibuat oleh Rusell (1973) dan Muhammad Aziz Shah (2010):

Jadual 5: Dapatan Maklum Balas dan Komen Penambahbaikan oleh Pakar

Pakar	Komen dan Penambahbaikan
1	Kandungan modul bersesuaian dengan objektif modul. Ujian rintis adalah cara terbaik untuk memastikan modul benar-benar sesuai.
2	Modul dan aktiviti dibina dengan baik dan menepati konstruk yang terdapat dalam model kekuatan karakter. Dicadangkan melihat semula peruntukan masa bagi aktiviti yang memerlukan peserta membentang atau berbincang. Tahniah.
3	Kandungan modul memenuhi 3 aspek utama pembinaan modul iaitu penentuan objektif, penentuan aktiviti dan pelaksanaan. Penetapan sesi dan pelaksanaan aktiviti berupaya membangunkan karakter positif murid sasaran kajian.
4	Kesemua kandungan dan penjelasan bagi setiap konstruk dan aktiviti sangat jelas, tepat dan sesuai.
5	Kandungan modul menarik dan kreatif. Setiap aktiviti diberi nama aktiviti yang ringkas dan menarik. Tahniah.
6	Kandungan aktiviti selari dengan objektif yang ingin dicapai.
Pakar	Komen dan Penambahbaikan
7	Setiap sesi langkah pelaksanaan yang sama, baiknya jika ada kelainan sedikit antara sesi agar ia lebih menarik. Sesi peningkatan setiap karakter dengan sesi strategi mengupayakan perlu rapat dan dekat, jarak masa pelaksanaan perlu rapat demi keberkesannya.
8	Aktiviti modul menepati objektif modul. Tahniah.

Jadual 5 menunjukkan komen dan cadangan yang dikemukakan oleh pakar. Pakar 1 mencadangkan agar memastikan kebolehpercayaan modul dengan menjalankan kajian rintis. Pakar 2 meminta agar peruntukan masa dipertimbangkan agar bersesuaian dengan aktiviti yang memerlukan pembentangan. Pakar 3 pula menyatakan modul ini menepati keperluan objektif, aktiviti dan pelaksanaan. Pakar 4 bersetuju dengan kandungan, konstruk dan aktiviti modul yang dibina. Pakar 5 berpandangan modul yang dibina adalah kreatif, ringkas dan menarik. Pakar 6 bersetuju bahawa aktiviti bersesuaian dengan objektif. Pakar 7 mencadangkan agar mempelbagaikan pendekatan aktiviti. Pakar 8 bersetuju aktiviti menepati objektif modul. Pengkaji telah membuat penambahbaikan semula atas cadangan panel pakar bagi mencapai meningkatkan kesahan dan mencapai objektif modul.

Perbincangan dan Kesimpulan

Russell (1974) seperti yang dipetik dalam Sidek dan Jamaludin (2005) menyatakan bahawa modul boleh dianggap setara dengan alat pengukuran kerana kedua-duanya berperanan sebagai sumber atau bahan rujukan yang digunakan oleh pembina modul untuk memperoleh pelbagai maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. Kesahan sesuatu modul mencerminkan sejauh mana objektif modul tersebut berjaya dicapai. Oleh itu, setiap modul perlu dirangka dengan objektif yang jelas dan boleh diukur oleh penyelidik. Penilaian yang dijalankan oleh panel pakar terhadap Modul Pembangunan Karakter Berasaskan Terapi Tingkah Laku Kognitif-Penyembuhan (MPKCBT-H) menunjukkan tahap kesahan yang tinggi, sekali gus mencerminkan potensinya dalam membentuk karakter positif dalam kalangan murid sekolah menengah. Skor kesahan melebihi 70% menunjukkan penguasaan terhadap kandungan yang

dinilai, sekali gus membuktikan kesahan modul ini dalam membangunkan kandungan yang berkaitan.

Secara keseluruhannya, kajian ini menggunakan teori *Cognitive Behavioral Therapy for Healing* (CBT-H) yang menekankan elemen tiga asas yang saling menyokong iaitu a) asas pemikiran mempengaruhi perlakuan, b) proses pemikiran boleh dikawal dan diubahsuai dan c) keinginan untuk mengubah perlakuan boleh dipengaruhi oleh perubahan pemikiran. CBT-H kerap digunakan dalam intervensi dalam menangani isu kesihatan mental namun, kajian ini dapat mempelbagaikan pendekatan dan aplikasi CBT-H untuk membangunkan karakter murid sekolah menengah.

MPKCBT-H juga memberi sumbangan yang tidak terhingga kepada perkembangan profesional perkhidmatan bimbingan dan kaunseling secara menyeluruh, sebagai panduan modular untuk meningkatkan program-program khas di bawah Program Kaunseling Berfokus sebagaimana tercatat dalam Pekeliling Perekayasan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling KPM, 2013. Modul ini menjadi panduan kepada murid dalam mengidentifikasi kekuatan dan kelemahan karakter diri mereka. Ia bukan sekadar menyediakan maklumat, tetapi juga membantu murid mengenali potensi diri, mendorong perubahan positif, membuat keputusan yang bermakna, serta merangka matlamat yang konkrit untuk mencapai kejayaan. Modul yang telah dibangunkan bertujuan untuk memastikan murid membuat pilihan yang terbaik dan bertindak untuk diri mereka sendiri, memberikan manfaat tanpa merugikan pihak lain, dan secara keseluruhan, memelihara kesejahteraan mereka. Lebih daripada sekadar menjadi sumber rujukan, modul ini berpotensi menjadi instrumen berharga bagi pihak-pihak penting seperti KPM, JPN, PPD, dan sekolah dalam memperkasa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling serta mengukur kesan dan pencapaian setiap tahun melalui pelaksanaan modul ini. Sementara itu, dari segi penyelidikan, modul ini berpotensi menjadi sumber utama untuk penyelidik masa depan, memperluaskan skop kajian dalam konteks metodologi, adaptasi modul, dan perbandingan rawatan.

Penghargaan

Pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua panel pakar terdiri dari pensyarah universiti awam, institut pendidikan guru Malaysia kampus serta penggubal dasar dan pengamal kaunseling sekolah yang telah memberikan sumbangan dalam memberikan pandangan dan ulasan berkaitan kesahan instrumen ini.

Rujukan

- Abd Rahman, Wahab, & Mohd Sukri, Saud. (2021). Pembangunan instrumen karakter kreatif pelajar pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET). *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 2(2), 112–122. <https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v2i2.16.2021>
- Andriani, N., Suharli, Suryani, E., & Fatmawati. (2023). Implementation of character education at school. *Prospek*, 4(1), 58–62. <https://doi.org/10.29303/prospek.v4i1.326>
- Beaumont, S. L. (2021). Assessing the efficacy of a character development program in non-traditional undergraduate students. *Journal of Character Education*, 9(3), 588–601.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Fatmah, N. (2018). Pembentukan karakter dalam pendidikan. *Jurnal Institut Agama Islam Tribakti (IAIT) Kediri*, 29(2), Julai–Disember.

- Garwood, J. D. (2023). Character education to address elementary students' emotional and behavioral development: A quasi-experimental study. *International Journal of Education*, 15(1). <https://doi.org/10.5296/ije.v15i1.20742>
- Idriyani, N. (2021). Adaptasi alat ukur kekuatan karakter. <https://www.scribd.com/document/733441626/Adaptasi-Alat-Ukur-Kekuatan-Karakter>
- Jamaludin Ahmad, Rosdi Yusof, & Saifudin Kumar Abdullah. (2009). The reliability and validity of Tennessee self-concept scale (TSCS) instrument on residents of drug rehabilitation center. *Journal of Social Sciences*, 10(3).
- Jamaludin Ahmad. (2008). Modul dan pengendalian bimbingan kelompok. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2022. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Mansor, R., Ahmad, A., & Nik Yusuff, N. A. (2016). Pembinaan karektor unggul murid menerusi aktiviti kokurikulum. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Budaya (JPBU)*, 9.
- Mohamad Zin, S. A., Hamzah, I. S., Sarifin, M. R., Ramli, A. F., & Md Zain, M. F. (2022). Pendidikan karakter berdasarkan aplikasi falsafah pendidikan kebangsaan terhadap pembentukan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 7(4). <https://doi.org/10.35631/IJEPC.747045>
- Mohamed, N. F., Govindasamy, P., Rahmatullah, B., & Purnama, S. (2022). Emotional intelligence online learning and its impact on university students' mental health: A quasi-experimental investigation. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 30(2), 665–680.
- Mohammad Aziz Shah Mohamed, & Fauziah Saad. (2024). Teori dan teknik kaunseling: Menjadi kaunselor yang berkesan. Kalumpang: I Psychology and Counseling Academy.
- Mohammad Aziz Shah Mohamed. (2018). Pelaksanaan eksperimen modul, Modul GOT PIMEV. Tanjong Malim: I Psychology and Counseling Academy.
- Mohammad Aziz Shah Mohamed. (2018). Pembinaan dan pengujian modul, Modul GOT PIMEV. Tanjong Malim: I Psychology and Counseling Academy.
- Mohammad Aziz Shah Mohamed. (2022). Pembinaan dan pengujian instrumen penyelidikan, Modul GOT PIMEV. Kalumpang: I Psychology and Counseling Academy.
- Nada, H. N., Fajarningsih, R. U., & Astirin, O. P. (2021). Environmental education to build school members' character. *JPBI (Jurnal Pendidikan Biologi Indonesia)*, 7(1), 43–52. <https://doi.org/10.22219/jpbi.v7i1.14283>
- Nalini, W., & Maria. (2006). The relationship among personality trait, character strength, and life satisfaction in college student (Dissertation). University.
- Normawati, S., & Marpuah, S. (2017). Kerangka pembangunan karakter dalam pembentukan kreativiti remaja di sekolah menengah pertama Kota Batam. Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan (INSAN2017), Ayer Keroh, Melaka, 1–2 November.
- Peterson, C., & Seligman, M. E. P. (2004). Character strengths and virtues: A handbook and classification. New York: Oxford University Press.
- Peterson, C., Park, N., Hall, N., & Seligman, M. E. P. (2022). VIA Inventory of Strengths for Youth. VIA Institute on Character. <https://www.viacharacter.org>
- Rijal, A., Kosasih, A., & Nurdin, E. S. (2023). Thomas Lickona and Yusuf Qardhawi: Creating value for character education through narrative. In B. Mabaro et al. (Eds.), *ICLESS 2022, ASSEHR 685* (pp. 15–24). https://doi.org/10.2991/978-2-494069-15-2_3

- Rusell, J. D. (1974). *Modular instruction: A guide to the design, selection, utilization and evaluation of modular materials*. United States: Publishing Company.
- Sidek Mohd Noah, & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Whitney, M., & Anmary. (2018). Cultivating a professional culture of peace and inclusion: Conceptualizing practical applications of peace leadership in school. *Policy and Practice Reviews*. <https://doi.org/10.3389/feduc.2018.00056>